

# Doktor nasihat saya jangan banyak bergerak - Tun Mahathir

Oleh **JAMLIH ABDULLAH**  
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) minggu lepas ekoran masalah kesihatannya tampil secara maya memberi ucapan pada Majlis Pelancaran The Greater Kedah di Seri Mentaloon, di sini semalam.

Perdana Menteri keempat dan ketujuh itu kelihatan sedikit lemah, namun tetap bersemangat menyampaikan ucapannya yang bertajuk *Kedah Dalam Konteks Nasional Dan Global* sempena majlis tersebut.

Menurut Dr. Mahathir yang dijadualkan hadir sebagai tetamu khas, beliau terpaksa membatalkan kehadirannya atas nasihat doktor ekoran masalah kesihatannya itu.

“Saya mohon maaf kerana tidak dapat hadir. Saya agak kurang sihat dan dinasihatkan oleh doktor untuk tidak terlalu banyak bergerak buat masa ini.

“Namun, walaupun saya tidak dapat hadir hati saya tetap bersama para hadirin. Kedah sudah pasti amat dekat di hati



**DR. MAHATHIR** Mohamad memberikan ucapan secara maya pada Majlis Pelancaran *The Greater Kedah* di Seri Mentaloon di Alor Setar, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

saya, tempat jatuh lagi dikenangkan inikan pula tempat bermain,” katanya ketika sesi ucapan pada majlis tersebut yang dilancarkan Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor.

Dr. Mahathir dimasukkan ke IJN minggu lepas akibat mengalami jangkitan saluran pernafasan

setelah mengalami batuk.

Terdahulu, akhbar melaporkan kes saman beliau terhadap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berhubung kenyataan berbaur fitnah yang sepatutnya bersambung pada 16 Oktober lepas terpaksa ditangguhkan

akibat masalah kesihatan pemimpin berusia 99 tahun itu.

Dalam pada itu ketika berucap lebih 10 minit pada majlis tersebut, Dr. Mahathir menyentuh berkaitan rizab nadir bumi yang banyak di Kedah dan menanti untuk diterokai serta perlu diuruskan dengan cara terbaik agar meraih pendapatan berlipat ganda.

“Yang penting sekarang ialah untuk pemimpin Kedah memastikan bahawa ia bukan setakat menjadi pengeluar bahan mentah REE tetapi menyertai industri hiliran supaya hasil yang diperolehi berlipat ganda.

“Kesemua ini mempunyai keupayaan untuk menjadi pesaing bukan sahaja di rantau ini, malahan di peringkat global,” katanya.

Beliau menambah, pelancaran *The Greater Kedah* itu merupakan kesinambungan kepada perancangan memajukan *State Government Four* ataupun SG4 yang dilancarkan pada awal September lalu yang memerlukan sokongan semua pihak termasuk kerajaan.

“Dalam lain perkataan, *Greater Kedah* tidak bergerak secara sendiri tetapi berkait rapat

dengan usaha memajukan SG4 yang mana Kedah salah satu daripada empat negeri tersebut.

“Bezanya ialah SG4 bertindak dari atas ke bawah manakala Greater Kedah bersifat dari bawah ke atas. Ia tidak bercanggah malahan bersifat saling melengkapi,” katanya.

Dr. Mahathir pada masa sama mengingatkan pemimpin negeri itu supaya menghayati tuntutan sebagai pemimpin Islam dan memacu Kedah mengikut acuannya.

“Sudah sampai masanya kita keluar daripada kepercayaan bahawa dunia ini untuk bukan Islam dan akhirat itu untuk kita. Kita perlu menghayati tuntutan agama bahawa kita berhak di dunia dan di akhirat.

“Jika kita terima hakikat ini, kita juga akan sedar bahawa memajukan negeri kita ini adalah amanah yang wajib dilaksanakan kerana jika berjaya memajukan Kedah dengan acuan kita sendiri, ia adalah kejayaan orang Melayu dan agama Islam. Dengan itu barulah kita boleh mengaku telah melaksanakan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan tanah air,” katanya.